

**Kunjungan Yang di-Pertuan Agong Cetus Peluang Pelaburan Malaysia-Brunei
Bernama
11 Mei, 2012
Daripada Mohd Razman Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN, 11 Mei (Bernama) -- Lawatan negara Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ke Brunei Darussalam berakhir pada Jumaat mampu mencetuskan iklim pelaburan lebih baik untuk faedah bersama kedua-dua negara berjiran akrab itu.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin berkata selain memperkukuhkan hubungan terjalin antara kedua-dua negara, kunjungan Seri Paduka mengeratkan lagi keserasian di antara kedua-dua negara pada aspek agama, serumpun bangsa dan persamaan budaya.

"Aspek yang ditekankan Tuanku adalah meningkatkan pelaburan, iaitu para pelabur Malaysia melabur di Brunei dan pelabur Brunei pula di Malaysia," katanya kepada Bernama di sini, pada Jumaat.

Raja Nong Chik menjadi menteri pengiring kepada Tuanku Abdul Halim yang mengadakan lawatan ke Brunei bersama Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Seri Paduka menghadiri pelbagai program termasuk kunjungan muhibah dan santapan negara dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah. Pada Khamis, Yang di-Pertuan Agong bertitah Malaysia berharap dapat menjalin kerjasama dalam bidang berpotensi tinggi termasuk sektor pertanian dan perikanan, teknologi maklumat, perbankan Islam dan pembangunan infrastruktur.

Raja Nong Chik berkata seramai 30,000 rakyat Malaysia berniaga dan bekerja di Brunei dan jumlah itu boleh dipertingkatkan lagi.

"Saya dengan pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut bertemu dengan pegawai Brunei Investment Agency (BIA) untuk menjemput mereka melabur dalam projek pembangunan di Kampung Baru," katanya sambil menambah bahawa pihaknya akan melancarkan Perbadanan Kampung Baru pada Jun nanti.

Beliau berkata Malaysia serius untuk mengajak pelabur Brunei melabur di Malaysia dan juga sebaliknya.

Katanya, antara peluang pelaburan di Brunei yang dirasakan berpotensi adalah sektor restoran dan perhotelan.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Brunei Datuk Abdullah Sani Omar berkata jumlah perdagangan dua hala antara Malaysia dengan Brunei pada tahun lepas adalah RM1.8 bilion.

Beliau berkata jumlah pelaburan Malaysia di Brunei pula adalah sebanyak RM72.8 juta.

Sementara itu, Abdul Samad Mohamad, 62, rakyat Malaysia yang menetap di Brunei sejak 20 tahun lalu, berkata suasana aman dan tenteram di Brunei memberikan beliau ketenangan bersama keluarganya menetap di negara itu.

Beliau yang berasal dari Johor kini bekerja sebagai pemandu di sebuah agensi kerajaan di Brunei mempunyai isteri warga Brunei dan tiga orang anak serta dua orang cucu.

"Suasana tenang dan dekat dengan keindahan pantai mengadap kecantikan Laut China Selatan menjadi tarikan utama rakyat Malaysia melabur dan bekerja di Brunei," katanya.

Brunei, negara yang kaya dengan hasil petroleum, mencapai kemerdekaannya pada 1984 mempunyai empat daerah dengan jumlah rakyatnya dianggarkan seramai 400,000 orang.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665516>